

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan polisi Kementerian tentang industri vape di Malaysia. Adakah vape akan direglasikan untuk mengelakkan penyalahgunaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Rokok elektronik atau Vape merupakan sejenis produk merokok yang baru pada masa kini. **Masalah penggunaan rokok elektronik atau Vape di Malaysia telah bermula seawal tahun 2013 dan telah memuncak penggunaannya di Malaysia pada tahun 2016.** Masalah ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malahan ia juga merupakan satu epidemik global yang mengundang kebimbangan pelbagai pihak. Kajian-kajian terkini telah menunjukkan kesan penggunaan rokok elektronik kepada kesihatan termasuk:

- a) Kerosakan pada sel badan manusia;
- b) Komplikasi penyakit;
- c) Kesan bahan kimia disebabkan oleh reaksi bahan-bahan campuran dalam cecair rokok elektronik terutama bahan perisa;

- d) Kegagalan penggunaan rokok elektronik bagi tujuan berhenti merokok;
- e) Peningkatan ‘*dual user*’ (pengguna rokok konvensional dan rokok elektronik); dan
- f) Peningkatan penggunaan kepada remaja.
2. **Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Oktober 2016** telah memutuskan **penggunaan rokok elektronik / vape dikawal selia oleh tiga (3) Kementerian, iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** yang meliputi kawalan terhadap penggunaan dan penjualan cecair rokok elektronik dan vape serta penetapan piawaian keselamatan peranti yang digunakan. Bagi maksud kawalan yang dinyatakan di atas, ianya meliputi:

- a) penjualan **cecair rokok elektronik yang mengandungi nikotin** adalah kekal dikawal di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366] dan Akta Jualan Dadah 1952 [Akta 368] (Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984) oleh KKM di mana penjualan sediaan yang mengandungi nikotin hanya dibenarkan oleh ahli farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar untuk tujuan rawatan perubatan sahaja. Dengan kata lain, penjualan **cecair rokok elektronik bernikotin sebagai produk pengguna adalah tidak dibenarkan**:
- b) penggunaan, penjualan, promosi, penajaan dan pelabelan yang berkaitan kesihatan untuk **cecair rokok elektronik yang tidak mengandungi nikotin** akan dikawal di bawah satu Akta baru KKM yang akan menggantikan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004). Draf Akta ini kini telah tersedia dan dalam semakan Jabatan Peguam Negara;
- c) **standard bagi bateri, peranti dan pembungkusan cecair rokok elektronik yang tidak mengandungi nikotin** telah

dibangunkan oleh Jabatan Standard Malaysia di bawah Seksyen 10 (1) Akta Standard Malaysia 1996 [Akta 549]. Pembangunan standard bagi pembungkusan **cecair rokok elektronik yang tidak mengandungi nikotin** masih dibincangkan;

- d) **kawal selia dan penguatkuasaan Peraturan Standard Keselamatan bagi bateri dan peranti rokok elektronik tanpa nikotin** adalah di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] oleh KPDNHEP. KPDNHEP juga akan melaksanakan peraturan bagi aktiviti pelesenan pengeluaran, pengedaran termasuk import, eksport dan peruncitan peranti serta cecair **rokok elektronik tanpa nikotin** yang disekalikan di bawah Akta Baru KKM.

3. Satu Memorandum bersama antara KKM dan KPDNHEP telah disediakan dan akan diangkat dalam masa terdekat untuk pertimbangan Jemaah Menteri berhubung cadangan mengekalkan kawalan terhadap rokok elektronik sepetimana keputusan Jemaah Menteri pada tahun 2016.

Sekian, terima kasih.